

5.0 PENGENALAN

Bab 5 akan memaparkan kesimpulan berdasarkan analisis kesilapan yang dijalankan dalam Bab 4. Selain daripada itu, bab ini akan disusuli dengan implikasi kajian, cadangan langkah pemulihan dan seterusnya menyentuh tentang cadangan untuk kajian selanjutnya..

5.1 RUMUSAN KAJIAN

Dapatan kajian ini telah memaparkan bahawa pelajar berupaya tinggi dalam mentranskripsikan dan membezakan sebutan bunyi HP dalam aspek kemahiran mendengar, di mana sebanyak 80% (rujuk Jadual 4.9) dalam kalangan subjek kajian telah berjaya memperolehi keputusan yang cemerlang. Hasil daripada perbandingan kedua-dua ujian, didapati bahawa pelajar lebih berupaya membezakann sebutan bunyi HP daripada mentranskripsikannya. Peratusan keputusan cemerlang yang diperolehi dalam ujian kali kedua yang mengutamakan keupayaan membezakan HP adalah lebih tinggi (97.5%) (rujuk jadual 4.8) berbanding dengan ujian kali pertama yang mengkaji keupayaan mentranskripsikan HP (62.5%).(rujuk Jadual 4.7)

Selain itu, pengkaji juga berjaya mengenalpasti golongan kesilapan yang lazim dilakukan oleh pelajar melalui kajian kemahiran mendengar sebutan bunyi HP ini. Dalam golongan suku kata awalan HP, jelas menunjukkan bahawa kesilapan terkumpul bagi bunyi lelangit telah mencatat bilangan yang paling tinggi iaitu 64 daripada 228 bilangan

kesilapan terkumpul. (rujuk Jadual 4.26) Bagi golongan suku kata akhiran, bilangan kesilapan terkumpul bagi vokal sengau telah mencatat bilangan yang paling tinggi iaitu 153 daripada 414 bilangan kesilapan bilangan yang terkumpul. (rujuk Jadual 4.32)

Bagi bahagian nada pula, nada kedua dalam bahasa Mandarin telah mencatat bilangan kesilapan yang paling tinggi iaitu 65 daripada 155 bilangan kesilapan terkumpul. (rujuk Jadual 4.35) Dapatan kajian ini sejajar dengan hasil kajian Su (1990, m.s.246-254) Zhuang (2005, m.s.249-262), Lee (2007, m.s.188-201), dan Mok (2009, m.s.115-126) yang mendapati bahawa sebutan nada kedua bahasa Mandarin adalah nada yang paling sukar dikuasai oleh pelajar Melayu. Ini bermakna, pelajar adalah lemah dalam menguasai nada kedua tidak kiranya dalam aspek kemahiran mendengar mahupun dalam aspek kemahiran bertutur.

Berpanduan analisis yang diperolehi, punca utama yang menyebabkan berlakunya kesilapan adalah disebabkan masa ulangkaji yang kurang di mana hanya 10% dalam kalangan subjek kajian mengulangkaji setiap hari. (rujuk Jadual 4.5) Ini telah menunjukkan bahawa walaupun 52.5% subjek kajian berminat dan 47.5% subjek kajian sangat berminat terhadap bahasa Mandarin (rujuk Jadual 4.4), namun 90% subjek kajian tidak mengulangkaji bahasa ini setiap hari (rujuk Jadual 4.5). Ini bermakna, subjek kajian tidak mempunyai asas yang kukuh dan seterusnya menimbulkan masalah seperti kurang keyakinan, berasa keliru dalam bahasa sasaran di samping dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka. Melalui statistik yang diperolehi dalam perbincangan soalan ujian, didapati bahawa punca utama yang menyebabkan subjek kajian melakukan

kesilapan ialah kekeliruan dalam bahasa sasaran yang mencatat peratusan yang paling tinggi, iaitu 40.13%. Ini telah mengesahkan pandangan Richards (1971 dalam Saw 1997, m.s.11, 99,103) yang berpendapat bahawa kesilapan bahasa berlaku adalah dipengaruhi oleh cara pembelajaran yang salah atau tidak menyeluruh. Beliau berpendapat bahawa kesilapan bahasa bukan semata-mata dipengaruhi oleh B1, sebaliknya ia diakibatkan oleh kurang pemahaman tentang struktur tatabahasa B2. Mok (2009, m.s.123) dalam kajiannya juga telah menunjukkan bahawa kekeliruan dalam sebutan fonetik merupakan salah satu unsur yang menyebabkan pelajar Melayu melakukan kesilapan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kesilapan dalam sebutan nada kerap berlaku dalam kalangan pelajar Melayu adalah kerana tahap penguasaan mereka rendah.

5.2 CADANGAN LANGKAH PEMULIHAN

Berdasarkan analisis kesilapan dan punca-punca kesilapan yang dibincang dalam Bab 4 di atas, pengkaji berpendapat bahawa langkah pemulihan harus diambil untuk mencegah dan mengatasi masalah-masalah yang menyekat kemajuan pelajar dalam pembelajaran bahasa Mandarin, khasnya dalam aspek HP.

Menurut Yang Huiyuan (杨惠元) (2002, m.s.42), tumpuan utama dalam latihan kemahiran mendengar pada peringkat fonetik adalah keupayaan membezakan dan menganalisis serta keupayaan meniru, iaitu membezakan sebutan dan nada, melatih iritabiliti (感应性) pelajar terhadap fonetik serta keupayaan menganalisis dan membezakan fonetik dalam signal bahasa yang diterima. Menurut Yang (2002,

m.s.42), latihan perbandingan fonetik adalah sesuatu yang amat membosankan. Maka, untuk mengatasi masalah ini, tempoh masa latihan mendengar fonetik haruslah tidak terlalu lama. Ini kerana kita tidak dapat menyelesaikan semua masalah fonetik dalam satu tempoh yang singkat. Selain daripada itu, isi kandungan yang membosankan harus disampaikan dengan kaedah yang lebih aktif, misalnya melalui pelbagai cara seperti aktiviti permainan untuk menarik perhatian dan meningkatkan minat pelajar. Yang juga berpendapat bahawa perbendaharaan kata, ayat dan dialog pendek harus dimasukkan dalam latihan di samping membuat tumpuan latihan fonetik (语音重点练习).

Hasil daripada dapatan yang diperolehi dalam Bab 4, kekeliruan dalam suku kata awalan dan suku kata akhiran dalam fonetik bahasa Mandarin merupakan masalah utama yang mempengaruhi prestasi pelajar dalam mentranskripsikan dan membezakan sebutan bunyi HP dalam aspek kemahiran mendengar.

Dalam kekeliruan suku kata awalan, Li Ming (李明)(Zhao 1997b, m.s.331-336) telah mengemukakan pendapatnya dalam beberapa sebutan suku kata awalan yang bermasalah (难音) bagi pelajar yang mempelajari bahasa Mandarin sebagai B2. Menurut Li, keistimewaan yang unik dalam suku kata awalan selalunya merupakan masalah utama pelajar. Misalnya pertentangan antara bunyi *unaspirated* dan *aspirated*.

Dalam sistem fonetik bahasa Mandarin, bunyi *occlusive* (塞音) dan bunyi *affricate* (塞擦音) masing-masing dibahagikan kepada 2 kategori iaitu bunyi *aspirated* dan bunyi *unaspirated* seperti “b-p”, “d-t”, “g-k”, “z-c”, “zh-ch” dan “j-q”. Hasil kajian pengkaji juga menunjukkan pelajar adalah lemah dalam bahagian ini. Ramai pelajar Melayu berasa sukar untuk menguasai sebutan bunyi-bunyi ini adalah kerana bunyi *aspirated* tidak wujud dalam BM manakala kebanyakan bunyi *unaspirated* dalam bahasa Mandarin pula merupakan bunyi letupan tak bersuara dalam BM. Perbezaan ini telah menyebabkan wujudnya kekeliruan dan kesukaran dalam pembelajaran bahasa Mandarin dan akhirnya berlakunya kesilapan dalam pembelajaran bunyi-bunyi ini. Misalnya bunyi “z-c”, “zh-ch” dan “j-q” tidak wujud dalam sistem konsonan BM, maka pelajar secara tanpa disedari akan menggunakan bunyi yang hampir sama dalam BM iaitu /č/ untuk menggantikan bunyi-bunyi tersebut dan akhirnya menyebabkan kesilapan berlaku (Tan 1993, m.s.111-113).

Untuk mengatasi masalah kekeliruan antara bunyi *aspirated* dan *unaspirated*, Li Ming berpendapat bahawa penekanan terhadap perbezaan terhadap kedua-dua kumpulan bunyi ini harus ditegaskan. (Zhao 1997b, m.s.331-336) Men Zimin pula berpendapat bahawa penggunaan *International Phonetic Alphabet* untuk menggantikan lambang fonetik yang asal akan membantu pelajar membezakan kedua-dua bunyi kumpulan ini. Misalnya, menggunakan [tʂ], [tʂʰ] untuk menggantikan “zh”, “ch”. Selain itu, pelajar juga boleh meletakkan tapak tangannya atau sehelai tisu di depan mulut semasa mereka menyebut bunyi *aspirated* dan *unaspirated*. Apabila mereka menyebut bunyi *aspirated*, mereka dapat merasai hembusan angin keluar dari mulut mereka atau tisu

tersebut akan bergerak manakala sekiranya tidak dapat merasai hembusan angin keluar dari mulut atau tisu tersebut tidak bergerak, maka mereka telah menyebut bunyi *unaspirated* (Cui & Yang 2005, m.s.17) . Dai Qingxia (戴庆夏) (1999, m.s.188-194) berpendapat bahawa pemupukan kemahiran mendengar harus digabung dengan kemahiran menutur, menulis dan membaca barulah dapat mencapai keberkesannya. Beliau mencadangkan latih tubi yang berbentuk mendengar-menutur, mendengar-menulis, mendengar-mengaksi dapat meningkatkan keupayaan pembelajaran pelajar.

Dalam aspek suku kata akhiran, hasil kajian pengkaji telah menunjukkan bahawa pelajar lemah dalam vokal seperti “o”, “üan” dan “ian” yang mana masing-masing memperolehi peratusan bilangan betul yang rendah, iaitu 37.5%, 40% dan 17.5%.

Vokal tunggal “o” jika sekiranya berdiri sebagai vokal tunggal, ia tidak akan menimbulkan masalah kepada pelajar. Namun apabila vokal “o” digabung dengan bunyi bibir “b” untuk membentuk suku kata “bo”, maka sebutan [po] akan mengelirukan kerana bunyi ini hampir sama dengan “buo” dalam BM. Keadaan yang sama juga berlaku pada vokal sengau “üan” dan “ian”. Apabila ia berdiri sebagai suku kata, ejaannya akan ditulis sebagai “yuan” dan “yan” dan disebut sebagai [yɛn] dan [iɛn]. Kedua-dua sebutan ini hampir sama dengan sebutan “yuen” dan “yen” dalam BM. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa punca kesilapan utama bagi golongan suku kata akhiran adalah gangguan bahasa ibunda iaitu BM. Maka untuk mengatasi masalah ini, pelajar harus diberi penerangan dan penekanan khas semasa mereka

diberi pendedahan suku kata akhiran. Latihan tubi yang dicadangkan oleh Dai (1999, m.s.188-194) adalah sesuai diberi kepada pelajar supaya mereka dilatih untuk membiasakan diri dalam struktur sebutan bahasa yang baru. Selain itu, latih tubi yang dicadangkan oleh Yang Huiyuan (杨惠元) (1996, m.s.51-69) dalam bentuk mendengar-meniru, mengeja dan membuat perbandingan juga akan membantu pelajar mengukuhkan asas mereka dalam bahagian ini.

Berbeza dengan BM, bahasa Mandarin adalah bahasa yang bernada. Hasil daripada kajian yang diperolehi, didapati bahawa pelajar adalah lemah dalam membezakan 4 nada bahasa Mandarin, khasnya dalam nada kedua. Dalam hal ini, Cui Yonghua (崔永华) & Yang Jizhou (杨寄洲) (2005, m.s.19-20) telah memperkenalkan kaedah *hyperbole* dalam pembacaan nada atau menggunakan aksi tangan untuk menggambarkan 4 tanda diakritik yang berlainan dengan tujuan menarik perhatian pelajar dan memberi kesan yang mendalam kepada mereka. Selain itu, kaedah perbandingan antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran yang diperkenalkan oleh Zhou Xiaobing (周小兵) dan (李海鸥) (2004, m.s.142-143) juga amat berkesan dalam membantu pelajar menguasai nada bahasa Mandarin. Misalnya, intonasi suku kata awalan “**makan**” dalam BM boleh disamakan dengan nada pertama bahasa Mandarin, manakala intonasi suku kata akhiran “**makan**” pula boleh disamakan dengan nada keempat bahasa Mandarin. Seterusnya, suku kata pertama dalam perkataan BM “**kekasih**” pula boleh disamakan dengan nada ketiga dalam Mandarin. Di samping itu, Cui & Yang (2005, m.s.23) telah mencadangkan nyanyian lagu 4 nada sebagai latih tubi yang dapat mengukuhkan penguasaan 4 nada bahasa Mandarin. Misalnya guru boleh membimbing pelajar

menyanyikan “ā-á-ǎ-à, mā-má-mǎ-mà” dengan cara guru bermula dengan nada pertama dan pelajar meneruskan lagu nada kedua, ketiga dan keempat, dan seterusnya nyanyian lagu ini boleh dijalankan secara bergilir-gilir atau berkumpulan. Guan Jian (关键) telah mengemukakan 3 kelemahan yang sedia wujud dalam pengajaran nada, iaitu kelemahan pelan perancangan pengajaran, kekurangan bahan pengajaran, dan kelemahan kaedah pengajaran. (Wang 2006, m.s.70-75) Menurut beliau, hanya sekadar mengajar pelajar menyebut perkataan dengan nada yang betul adalah tidak mencukupi. Para tenaga pengajar juga seharusnya menekankan sebutan nada yang betul dalam bentuk ayat mahupun dalam perbualan dialog. Kesilapan yang berlaku dalam penyebutan perlu dibetulkan dengan segera untuk mengelakkan daripada menjadi satu kebiasaan.

Secara keseluruhannya, penyelesaian masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pembelajaran sistem fonetik bahasa Mandarin dapat diatasi dengan pelbagai cara. Peranan yang dimainkan oleh pelbagai pihak seperti guru, pelajar, pihak universiti adalah amat penting dalam usaha meningkatkan tahap penguasaan HP dalam kalangan pelajar. Sebagai seorang guru, mereka haruslah memberi penekanan yang lebih kepada latihan mendengar melalui permainan aktiviti di samping mempelbagaikan penggunaan bahan pengajarannya. Kaedah pengajaran yang berpusatkan pelajar seperti kaedah pembelajaran koperatif harus dilaksanakan bagi mengurangkan perasaan bimbang pelajar semasa mempelajari B2. Selain itu, guru juga bertanggungjawab memurnikan sukatan pelajaran bahasa Mandarin dan modul pengajaran mengikut perkembangan bahasa dari semasa ke semasa dan bersesuaian

selaras dengan peruntukan waktu pengajaran yang terhad. Sebagai seorang pelajar, mereka haruslah meluangkan masa menjalankan latihan yang banyak, mendengar pita rakaman dan mengambil inisiatif menerima pendedahan bahasa Mandarin di luar bilik kuliah, misalnya mendengar radio, menonton TV atau bergaul dengan kawan yang mahir dalam bahasa Mandarin. Bagi pihak universiti pula, langkah-langkah seperti meningkatkan kemudahan makmal bahasa, menyediakan makmal pembelajaran sendiri, menggalakkan tenaga pengajarnya menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang berkaitan dengan kaedah pengajaran HP, memberi sokongan penuh dalam usaha memperkembangkan bahan pengajaran yang sedia ada untuk mempertingkatkan tahap penguasaan pelajar.

5.3 CADANGAN UNTUK KAJIAN SELANJUTNYA

Kajian ini membuka laluan kepada mereka yang berminat meneruskan bidang kajian ini selanjutnya seperti berikut :

- a) meneruskan kajian dengan sasaran subjek kajian yang berlainan

Para penyelidik boleh meneruskan kajian selanjutnya dengan sasaran yang berbangsa lain seperti pelajar India, orang asli atau orang Cina yang bukan berpendidikan bahasa Mandarin. Penyelidik boleh meninjau sejauh manakah persamaan dan perbezaan hasil kajiannya dengan keputusan yang diperolehi oleh pengkaji.

- b) meneruskan kajian ini dengan saiz kajian yang lebih besar

Para penyelidik boleh meneruskan kajian ini dengan komponen saiz yang lebih besar. Bilangan subjek kajian dalam penyelidikan ini hanya terhad kepada 40 orang pelajar sahaja. Penyelidik yang berminat terhadap bidang kajian ini boleh meneruskan kajian ini dengan lebih ramai bilangan subjek kajian untuk melihat sama ada keputusan yang diperolehi sama dengan pengkaji atau tidak.

- c) meneruskan kajian ini dengan menggantikan soalan yang berbentuk perkataan dengan perbendaharaan kata, frasa dan ayat ;

Dalam kajian ini, pengkaji hanya memberi fokus kepada sebutan fonetik bahasa Mandarin. Para penyelidik boleh menggantikan kajian selanjutnya dengan fokus yang lain seperti perbendaharaan kata, frasa atau ayat untuk menguji kemahiran mendengar subjek kajian.

- d) mengulangi kajian sedemikian dalam kalangan pelajar peringkat pertengahan di UPSI

Para penyelidik boleh mengulangi kajian yang sama dengan menggunakan subjek kajian peringkat pertengahan dan tinggi. Kajian dilakukan ke atas golongan peringkat pembelajaran yang berbeza adalah bertujuan untuk menguji kekonsistenan dan kesahihan dapatan kajian antara dua kumpulan yang mempunyai tahap penguasaan yang berlainan

5.4 KESIMPULAN

Adalah jelas bahawa pembelajaran B2 merupakan sesuatu yang baru dan berbeza dengan bahasa ibunda yang menjadi pertuturan seharian. Keadaan ini akan menimbulkan masalah dalam pembelajaran mereka khasnya dalam aspek sebutan

fonetik bahasa Mandarin. Ini kerana sistem fonetik bahasa Mandarin berbeza dengan sistem fonetik bahasa ibunda mereka. Berdasarkan analisis yang diperolehi dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa pelajar Melayu mengalami pelbagai unsur yang menjadi halangan mereka dalam pembelajaran sebutan fonetik bahasa Mandarin. Oleh itu, pengkaji mencadangkan para tenaga pengajar sewajarnya menggunakan pendekatan, kaedah dan teknik yang bersesuaian untuk membantu pelajar Melayu menguasai sebutan fonetik bahasa Mandarin. Dalam pengajaran sebutan fonetik bahasa Mandarin, latih-tubi yang menfokuskan kemahiran mendengar harus sentiasa diberi kepada pelajar Melayu bagi mengukuhkan pengetahuan asas mereka. Kesilapan yang berlaku harus dibetulkan dengan segera di samping mendedahkan pelajar Melayu persamaan dan perbezaan antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran. Sebagai seorang tenaga pengajar, mereka juga harus berinisiatif meningkatkan ilmu dalam bidangnya. Langkah yang proaktif dan bekesan perlu diteliti dan diberi perhatian oleh semua pihak yang bertanggungjawab.